

ILO dijangka buat keputusan kes CPF

UM 4 JUL 2001

Oleh ISMAIL DAUD
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

PUTRAJAYA 3 Julai — Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dijangka membuat keputusan mengenai isu wang rakyat Malaysia dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura, tidak lama lagi.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak berkata, pihaknya telah memfailkan kes itu kepada ILO pada tahun lalu berikutan sikap berdolak-dalik kerajaan Singapura untuk menyelesaikan isu tersebut.

MTUC memandang berat isu CPF itu kerana ia telah melanggar hak asasi pekerja Malaysia yang telah meninggalkan negara berkenaan, katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Isu CPF itu turut dibangkitkan oleh MTUC dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir itu.

Kerajaan Singapura tidak membenarkan caruman CPF oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung yang belum mencapai usia bersara tetapi tidak lagi bekerja di Singapura dikeluarkan, sedangkan rakan mereka

dari Sabah dan Sarawak boleh berbuat demikian.

Warga negara lain juga boleh berbuat demikian.

Zainal menambah, Singapura dilihat mengamalkan sikap pilih kasih dalam isu pengeluaran simpanan daripada CPF.

“Saya tidak tahu mengapa pekerja Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan simpanan mereka tetapi pekerja dari Semenanjung Malaysia tidak dibenarkan berbuat demikian,” katanya.

Jelas beliau, Singapura sewajarnya mencontohi Malaysia yang membenarkan semua caruman pekerja asing termasuk dari Singapura dikeluarkan selepas mereka tidak lagi bekerja di negara ini.

Zainal berkata, dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir hari ini, MTUC meminta kerajaan mengeluarkan isu CPF daripada pakej rundingan dua hala antara kedua-dua negara.

“Isu CPF perlu diasingkan dan diselesaikan segera kerana banyak pihak yang bertanya tentang wang simpanan mereka di republik itu,” katanya.

Perkara lain yang terkandung dalam pakej rundingan itu termasuk isu bekalan air ke Singapura dan soal penempatan semula Pusat Pemerik-

Dalam isu gaji minimum, katanya, pada prinsipnya, Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan MTUC tetapi memerlukan masa untuk membuat kajian bagi menentukan jumlah yang sesuai.

Katanya, MTUC meletakkan RM900 sebagai gaji minimum yang dituntut.

Mengenai Skim Penamatan Perkhidmatan, beliau meminta kerajaan supaya membuat peraturan untuk mewajibkan pelaksanaannya jika majikan terus tidak bersetuju dengan cadangan itu.

“Kita juga bersetuju dengan Dr. Mahathir supaya caruman 50 sen di pihak pekerja dan 50 sen di pihak majikan diguna pakai,” katanya.

Mengenai cadangan supaya wakil pekerja dalam Lembaga Pengarah KWSP ditambah kepada separuh daripada jumlah keseluruhan, Zainal berkata, jumlah itu disifatkan terlalu ramai oleh Dr. Mahathir.

“Bagaimanapun, Perdana Menteri sedia mengkaji satu jumlah yang sesuai,” kata Zainal yang berharap jumlah lima orang sekarang dapat ditambah.

Beliau berkata, MTUC juga telah menyampaikan pandangan kepada kerajaan supaya menghentikan pengambilan pekerja asing.

saan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di republik itu.

Jumlah caruman pekerja Malaysia dalam CPF kini bernilai RM3 bilion membabitkan kira-kira 60,000 pekerja.

Zainal berkata, selain isu CPF, perkara yang dibincangkan dengan Dr. Mahathir ialah soal gaji minimum, skim penamatan perkhidmatan, buruh asing dan ahli lembaga pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).